



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku




Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.


eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.


Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Illahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting


Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Menggenggam Bara

Nooraslinda Abdul Aris
Universiti Teknologi MARA

1980-an: Aku, Buku dan Rotan

Aku dilahirkan dalam keluarga yang harmoni dengan ekonomi yang sederhana. Punya ayah yang menyayangiku, ibu yang mendidikku, kakak dan abang yang boleh diajak bermain bersama. Aku tidak dihantar ke sekolah tadika kerana harus menjaga adikku yang masih bayi sementara ibu dan ayahku berniaga nasi lemak berhampiran rumah. Kakak dan abang pula ke sekolah berjalan kaki kerana jarak yang dekat. Walaupun di bandar, kesibukan dan keselamatan jalan raya dulu dan sekarang bagai langit dan bumi. Masih selamat untuk berjalan ke sekolah tanpa ditemani penjaga.

Seusai meniaga, ibu dan ayah pulang dan rutinku bersama buku pun bermula. Ibu, sesuai gelarannya adalah susuk wanita sederhana yang agak garang. Sesi pembelajaranku di rumah selama sejam membaca ABCD dan mengira 123 selalunya berakhir dengan pukulan rotan atau piatan di peha. Kenapa? Dek kerana kegagalanku menyebut dan menghafal huruf dan nombor dengan betul. Kerana pukulan dan cubitan itu aku tidak berani untuk main-main kerana aku tak mahu peta di pehaku bertambah dan melarat ke tempat yang lain. Air mata kecilku tidak mampu membendung tangan ibu dari terus meratah peha kecilku kerana bagi ibu ilmu itu sangat penting. Ibu percaya dan yakin dengan pendidikan yang baik, bergunalah kita sebagai seorang manusia. Terpaksalah kutadah telinga mendengar omelan ibu sambil aku menyebut manja dan menulis huruf-huruf diarahkan.

Pada waktu petang, aku, kakak dan abang akan mengaji bersama opah yang rumahnya terletak di flat sebelah. Kebiasaannya, kami akan mengaji beramai-ramai sebelum tiba giliran seorang demi seorang. Opah juga sama seperti ibu, peneman setianya adalah senaskah muqaddam atau al-Quran dan sebilah rotan halus. Jika elok bacaannya, terselamatlah kami; jika tidak hulurlah tanganmu untuk santapan sang rotan. Namun kesedihan itu takkan lama kerana selesai mengaji kami akan bermain bersama di tanah lapang. Acara kejar mengejar, main ting-ting, galah panjang, batu seremban dan macam-macam lagi menjadi agenda permainan; semuanya mengikut musim untuk menghambat rasa sedih dan linangan air mata.

Natijah berguru dengan ibu dan opah, ketika aku melangkah ke darjah 1, aku telah mampu mengenal huruf dengan baik dan mengira dengan betul. Cikgu kelas ternyata kagum dengan kebolehanku berbanding dengan kawan-kawan yang lain. Ingatanku kuat pada susuk guru kelasku, Cikgu Halimah yang akan mengepit buku dan rotan setiap kali masuk ke kelas.

“Selamat pagi cikgu Halimah...” jeritan kelas bergema dan sesi pembelajaran pun bermula.

1990-an: Mengaji dan Bahasa Inggeris

Kebahagiaan dan kesenangan itu pinjaman ALLAH yang bersifat sementara. Kami sekeluarga terpaksa berpindah dari kota ke kampung halaman ayah di utara tanahair. Hasrat murni ayah untuk menjaga atuk dan nenek yang meningkat usia mereka perlu kami turuti. Tiada

apa yang mampu kami lakukan kerana keputusan itu adalah muktamad. Walaupun rumah baharu kami besar dan tidak perlu menaiki tangga, namun ia bertaraf setinggan. Kami menggelarnya 'seting garden' kerana kedudukannya yang agak terperosok dan tiada kemudahan elektrik dan air di kawasan itu. Kehidupan yang dulunya cerah kini bertukar warna. Tiada lagi cerita kartun pada siang hari dan air pula perlu divedok dari perigi. Menjelang senja, bekalan tenaga dari generator kepunyaan Tok Ketua akan mula dipasang dan bercahayalah rumah-rumah di situ. Waktu inilah yang akan kami gunakan untuk menonton berita sambil menikmati makan malam. Genap jam 11.00 malam, generator akan berhenti dan malaplah keadaan sekitar diganti dengan limpahan cahaya lampu pelita. Bekalan air bersih pula akan dihantar pada hari-hari tertentu. Walaupun perit untuk dilalui, tiada sesalan kerana yang penting adalah kami sekeluarga dapat duduk dekat dengan atuk, nenek dan keluarga ayah.

Perpindahan ke sekolah baharu juga agak sukar kerana dari sekolah campur, kini kawan-kawanku hanyalah budak perempuan. Perbezaan budaya, bahasa, rentak dan gaya ini juga suatu proses pembelajaran dan aku terjebak dengan kumpulan 'ulat buku'. Rata-rata kawan sekelasku rajin membaca buku cerita. Kata ibu, sekolah tu bagus dan baik untuk aku dan kakak. Aku ambil kesempatan mendengar ulasan buku yang mereka baca. Jika ianya menarik perhatianku, aku minta izin untuk membaca sinopsis buku tersebut. Sekiranya diizinkan, aku buat muka tembok untuk pinjam buku tersebut dan berjanji untuk memulangkan keesokan harinya. Itupun setelah mereka puas membaca dan menjaja cerita perihal buku yang dibaca. Benarlah kata orang, adakalanya kita tidak perlu memiliki apa yang kita mahu, cukup sekadar persinggahan. Apa yang penting, pencarian ilmu harus digiatkan dan tidak lokek berkongsi ilmu yang ada agar ia kekal dalam ingatan dan mendatangkan manfaat.

Selepas sesi persekolahan tamat, aku akan pulang ke rumah menaiki bas sekolah kerana jarak sekolah dan rumah yang agak jauh ke dalam. Kupersiapkan diri dan terus berlari ke rumah Opah mengaji. Hasil kelas mengaji di bandar kuteruskan sehingga aku berjaya khatam Quran sebanyak tiga kali. Ketiadaan televisyen menyebabkan aku rajin mengaji bersama opah. Akulah anak murid yang paling lama duduk mengaji kerana hanya itu hiburanku. Ada waktunya opah akan membaca terjemahan ayat-ayat yang kubaca dan bercerita kisah-kisah umat terdahulu. Aku hanya mendengar dan terpana kagum kerana di usia yang lewat, opah masih sihat, kuat dan mampu mengingati sirah Islam. Dan uniknya opah hanya boleh membaca tulisan jawi dan dari situlah aku turut belajar jawi. Aku mula mencari buku tulisan lama untuk berlatih menulis jawi. Contengan demi contengan aku mulakan dengan ejaan yang mudah dan kadang kala aku dibantu oleh ibu yang sibuk memasak dan mengemas.

Kolam kecil bersebelahan rumah opah turut menjadi sumber ketenanganku. Ada waktunya, pokok teratai berkembang mekar dengan bunga berwarna merah jambu yang mampu membuai perasaan. Aku bersyukur kerana pada usiaku yang belum mencecah 12 tahun telah membolehkan aku membaca ayat suci Al-Quran dengan baik dan lancar. Ibu pastilah orang yang paling gembira dan dek sebab itu pulut kuning dan rendang ayam kami kongsi bersama opah dan teman mengaji yang lain.

Pada sebelah malam, sudah menjadi rutinku untuk menyiapkan kerja sekolah dan membaca buku. Apalah lagi hiburan yang ada selain buku. Kerana keadaan ekonomi keluargaku yang tidak mengizinkan, aku hanya mampu membaca buku teks yang adakalanya kuulang baca berkali-kali. Jika tidak, kuambil buku abang atau kakak untuk dibaca. Jarak umur kami yang kecil membolehkan aku memahami isi kandungannya. Di waktu gawat, aku turut membantu kakak untuk menyiapkan kerja sekolahnya setakat kemampuanku. Aku gembira seadanya, kerana kekurangan itu mengajar aku untuk lebih menghargai apa yang kita ada. Jika dibandingkan sekarang, rata-rata semuanya melekat dengan telefon bimbit dan media sosial. Membacapun menggunakan gajet, buku seperti hilang serinya.

Beberapa bulan sebelum peperiksaan UPSR berlangsung, cikgu Bahasa Inggeris memohon kami untuk membeli buku latihan tambahan yang berharga RM5.50. Puas aku kumpul duit supaya aku dapat membeli dan membuat latihan bersama kawan sekelas. Masih segar peristiwa ketika duit syiling tabunganku bertukar tangan.

“Teacher, saya nak beli buku tu. Ini duitnya... cukupkan?” Kejutan riak muka cikgu Bahasa Inggeris ketika mengira duit syiling yang kuserahkan tidak dapat disembunyikan. Walaupun malu, aku puas kerana berjaya membeli buku itu dengan duitku sendiri. Lebih manis, aku berjaya mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Menambahkan kegembiraanku ketika dimaklumkan sebagai pelajar ketiga terbaik di dalam kelas dan perlu menghadiri Hari Penyampaian Hadiah. Sungguh tidak sia-sia bila kita menjadikan buku sebagai sahabat. Asbabnya tidak ternilai, bukan sahaja ilmu baharu diperoleh, pemahaman dan pengetahuan turut berkembang.

Zaman persekolahan seterusnya kulalui dengan tenang. Kekuranganku yang utama adalah penguasaan Bahasa Inggeris. Aku sangat takut untuk bertutur dan tidak mampu menulis karangan dengan baik. Kerana selalu didenda berdiri di atas kerusi atau berdiri di luar kelas oleh guru Bahasa Inggeris, aku bertemu dengan geng sekepala. Penubuhan tidak rasmi geng tersebut telah banyak mengubah kami dari pelajar yang selalu gagal menyiapkan kerja sekolah kepada pelajar cemerlang. Aku ditugaskan untuk subjek Matematik, Siti dengan subjek Bahasa Melayu, Wati dengan Kemahiran Seni, Debb dan Gaya dengan kekuatan Bahasa Inggeris. Kerja rumah telah kami aturkan mengikut kepakaran masing-masing. Keesokan paginya, tugas kami menyalin dan mengolah jawapan kawan-kawan sebelum dihantar kepada guru. Kaedah ini walaupun dianggap seperti meniru, ia memberikan kami keyakinan dan mengasah kemahiran yang tersendiri. Kami juga turut membuat ‘study group’ dan ada ketikanya bertemu di taman permainan untuk melepaskan lelah. Siti, Debb dan Gaya banyak membantuku untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris dengan baik. Peluang ini tidak aku sia-siakan. Aku mula meminjam dari mereka buku-buku cerita untuk dibaca. Aku juga menjejakkan kaki ke pusat sumber sekolah untuk mencari bahan bacaan lain – surat khabar dan majalah. Walaupun adakalanya kurasakan mustahil untuk menguasai Bahasa Inggeris dek kerana sebutan dan ejaan yang sukar diterjemahkan, ku gagahkan jua demi mengejar kejayaan...alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan.

Pencapaian terbesarku adalah mewakili kelas menyertai pertandingan bercerita Bahasa Inggeris peringkat sekolah dan aku dinobatkan sebagai juara. Sejujurnya aku menangis dan terharu menerima pengiktirafan sebegitu. Dari anak kecil yang tidak mampu bertutur dalam Bahasa Inggeris sehingga berjaya menang pertandingan. Hadiah yang kuperoleh adalah beberapa buah buku cerita yang pada hematku agak mahal harganya. Bertitik tolak dari peristiwa itu, aku berazam untuk membeli dan mempunyai koleksi buku tersendiri dan mungkin suatu hari mempunyai perpustakaan mini di rumahku. Siapa tahu cita-cita itu mampu kurealisasikan kelak.

2000-an: Menara Gading dan Kerjaya


Ketika pengajian diplomaku bermula, kejutannya lebih besar. Buku rujukan, pensyarah Mat dan Minah Saleh dan rakan sekuliah rata-ratanya mahir berbahasa Inggeris. Bukan mudah untuk aku. Usaha perlu digandakan. Berbekalkan duit simpanan yang kukumpul berdikit-dikit selepas tamat SPM dan duit biasiswa yang kuperoleh, aku mula menyewa buku cerita pelbagai genre untuk meningkatkan tahap kebolehanku memahami perkataan baharu, menyusun ayat yang baik dan mula menulis jurnal di dalam Bahasa Inggeris. Surat khabar kubeli dan kubaca kuat-kuat sebagai langkah untuk memastikan sebutannya betul. Untuk mengikuti kelas tambahan Bahasa Inggeris, aku kurang mampu. Jadinya, cerminlah yang menjadi mangsa. Sekiranya sebutan perkataan tersebut kaku di pendengaran telingaku, kawan-kawan yang lebih bijak menjadi kaunter pertanyaanku. Walaupun di permulaan jalan semuanya kelihatan sukar

dan goyah, rakan-rakan sebilik turut membantu terutama Echah yang mengikuti kelas tambahan Cambridge pada hujung minggu. Setiap kali pulang dari kelas tambahan, Echah tidak lokek berkongsi nota dan tips yang dipelajarinya. Dia juga kadang-kadang kuminta untuk membawa isu atau pertanyaan yang sukar untuk dijawab ke kelas tambahannya. Dari Echah juga aku belajar cara sebutan perkataan yang betul. Kawan yang baik akan terus dikenang dan ilmu yang dikongsi itu lebih mahal harganya.

Berbekalkan usaha, doa dan kesungguhan, aku berjaya menamatkan pengajian diploma dan profesional dalam jurusan perakaunan. Masih terngiang suara dan gaya Katie pensyarah kelahiran Dublin yang bersahaja ketika mengajar subjek Business English. Paksaan beliau kadang-kadang tidak diendahkan kerana aku sendiri kurang faham apa yang diminta, atau mungkin yang lain bosan dengan ajuan soalan yang sama. Demi mendapatkan apa yang beliau mahukan, iaitu berkomunikasi sepenuhnya di dalam Bahasa Inggeris tanpa rasa malu, Katie sanggup menawarkan RM5 hingga RM10 bagi sesiapa yang berani menjawab soalnya. Maka, akulah salah seorang dari mereka yang berebut untuk menjawab soalan Katie. Dengan cara itu jugalah memaksa aku berusaha mengheret kamus dwibahasa ke kelas bagi memastikan aku memahami subjek yang dipelajari dan soalan yang diutarakan. Senario dan kesungguhan sebegini mungkin sukar untuk dilihat pada ketika ini tambahan dengan kewujudan teknologi dan gajet. Jarang kulihat pelajar-pelajar membawa kamus ke kelas. Atau mungkin mereka semuanya fasih berbahasa Inggeris?


Ketika aku mula melangkahkan kaki untuk kerjaya yang pertama, aku sangat bersyukur kerana kesungguhanku menguasai Bahasa Inggeris tidak sia-sia. Hampir kesemua sesi temuduga yang kuhadiri memerlukan aku berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Masih teringat di dalam salah satu sesi temuduga yang kuhadiri, panel bertanyakan bidang, kelulusan dan nama universiti. Mereka terkejut bila kukatakan aku belajar di dalam negara bukan luar negara. Ternyata anak kelahiran tempatan juga mampu menguasai Bahasa Inggeris tanpa perlu terbang jauh.

Benar bagai dikata, usaha yang gigih pasti membuahkan kejayaan. Ibu selalu berpesan, bersahabatlah dengan buku kerana ia jambatan ilmu. Kita juga digalakkan untuk menuntut ilmu sejauh dan setinggi yang termampu kerana ketinggian ilmu bisa merubah dan mencorak masa depan seseorang. Hobiku yang gemar singgah ke toko-toko buku masih kulakukan kerana keterujaan saat menatap buku-buku baru yang cantik dan menarik tidak dapat digambarkan. Tiada ilmu yang sia-sia. Setiap apa yang kita baca, boleh jadi ia tidak bermanfaat kepada kita pada waktu itu tetapi berguna pada waktu mendatang. Yang paling penting, genggam bara api biar sampai jadi arang.



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

